

# Perhimpunan Agung UMNO perlu tegas dalam soal masa

Um - 20/11/2006

KUALA TERENGGANU 19 Nov. - Badan Perhubungan UMNO Terengganu menggesa Perhimpunan Agung UMNO pada masa depan lebih tegas dalam soal menentukan tempoh masa bagi setiap perwakilan berucap pada sesi perbincangan.

Pengerusinya, Datuk Seri Idris Jusoh kesal kerana ada perwakilan dari negeri lain ketika membahaskan sesuatu usul mengambil masa terlalu lama dari tempoh ditetapkan iaitu sehingga lebih setengah jam, sedangkan masa diberikan hanya 15 minit.

Menurut beliau, kegagalan mengawal tempoh masa itu menyebabkan ada perwakilan yang menjadi jurucakap UMNO sesebuah negeri tidak mempunyai masa mencukupi atau dalam keadaan tertekan dan kelam-kabut kerana masa mereka 'dicuri' oleh perwakilan negeri lain.

"Dua jurucakap Terengganu misalnya hanya mempunyai masa terlalu pendek dan tidak sempat menyampaikan mesej kerana perwakilan sebelumnya bercakap terlalu panjang.

"Oleh kerana faktor masa yang terbatas itu, mesej yang hendak disampaikan oleh perwakilan Terengganu mengenai Islam Hadhari dan pendidikan tidak kesampaian. Ini satu kerugian bagi UMNO negeri ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di Wisma Darul Iman di sini, hari ini.

Bagi mengelak perkara itu berulang, Idris berharap pengurusan perhimpunan agar lebih tegas dalam menentukan tempoh masa bagi setiap perwakilan untuk berucap.

"Di sesetengah negara luar, mereka yang mempengerusi majlis terlalu tegas dalam soal masa dan mereka terus menu-

tup mikrofon jika ada yang berucap melebihi dari masa yang ditetapkan," katanya.

Mengenai perkara-perkara yang dibahaskan pada Perhimpunan Agung UMNO yang berakhir kelmarin, Idris berkata, perwakilan sepatutnya tidak terlalu emosional sehingga ke tahap mahu pemimpin tertentu berundur.

Selain itu, beliau berpendapat ada beberapa perkara yang ditimbulkan oleh perwakilan negeri sepatutnya tidak dibahaskan lagi termasuk isu pengajaran subjek Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

## Kesan

"Kita sepatutnya memberi masa kepada kerajaan sehingga tahun 2008 untuk melihat kesan dasar pengajaran kedua-dua subjek itu dalam bahasa Inggeris. Di Terengganu sendiri, guru-guru telah dapat menerima dasar baru tersebut," tegasnya.

Beliau berkata, perkara lain termasuk perdebatan mengenai pemilihan ekuiti Melayu berbanding kaum lain sepatutnya tidak diberi fokus keterlaluan kerana sudah sampai masanya perhatian diberikan kepada bagaimana Melayu boleh bersaing dalam perniagaan peringkat global.

"Jika kita terus meneruskan membincangkan isu ekuiti Melayu di peringkat nasional, kaum kita tidak akan ke mana, sedangkan banyak peniaga Cina telah pergi jauh ke peringkat global.

"Inilah yang dimahukan oleh pucuk pimpinan negara termasuk ucapan penggulangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahu kita menggunakan minda untuk maju termasuk ke peringkat global," katanya.